

14 June 2025

TO ALL OUR VALUED CUSTOMERS & PORT USERS,

NOTIFICATION ON PORT KELANG AUTHORITY (SCALE OF RATES, DUES AND CHARGES) (AMENDMENT) BY-LAWS 2025 AND THE REVISION OF TARIFF RATES OF PORT KELANG AUTHORITY (SCALE OF RATES, DUES AND CHARGES) (AMENDMENT) (NO.2) BY-LAWS 2025.

Northport (Malaysia) Bhd refers to the circulars issued by the Port Klang Authority (PKA) dated 6 June 2025 and 13 June 2025 (copies enclosed).

We wish to inform our esteemed customers and port users of two separate amendments to the Port Kelang Authority (Scale of Rates, Dues and Charges) By-Laws 2025:

1. PKA (Scale of Rates, Dues and Charges) (Amendment) By-Laws 2025

Effective Date: 30 May 2025

2. PKA (Scale of Rates, Dues and Charges) (Amendment) (No.2) By-Laws 2025

Effective Date: The revised Scale of Rates, Dues and Charges will be carried out as follows:

- First Phase : 15 July 2025
- Second Phase : 1 January 2026
- Third Phase : 1 January 2027

The updated rates are published on the Port Klang Authority's official website at www.pka.gov.my

Please contact the following departments should you require any clarification:

1. Customer Services Department

Email/Phone : customerservice@northport.com.my / 03-3169 8000

2. Billing Department

Email/Phone : billing@northport.com.my / 03- 3169 8888

Northport remains committed to maintaining transparency and fostering long-term partnerships with our stakeholders. We appreciate your cooperation and understanding on this matter.

Thank you.

Yours sincerely,

NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



FAKHRUL AZHAR TAJUDIN

Chief Executive Officer



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Laman Web: www.pka.gov.my
Email: onestopagency@pka.gov.my
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK.100-1/3/1 Jld. 2 (7)

Tarikh : 6 Jun 2025

EDARAN KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN

YBhg. Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG BIL : 4/2025

PEWARTAAN CAJ-CAJ PERKHIDMATAN PELABUHAN SEDIA ADA DI PELABUHAN KLANG MENERUSI UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KELANG (SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) (PINDAAN) 2025

Saya dengan segala hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan beberapa caj perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Klang yang sebelum ini diluluskan oleh Jemaah Lembaga, LPK telah pun diwartakan menerusi Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang (Skala Kadar, Dius dan Caj) (Pindaan) 2025 pada 29 Mei 2025. **Caj-caj yang diwartakan ini adalah untuk perkhidmatan yang sedia wujud serta tidak mengalami sebarang kenaikan.**

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon mengambil maklum perkara ini dan menghebahkannya kepada pihak-pihak yang berkaitan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini bolehlah dimajukan kepada Bahagian Perancangan & Pembangunan, Lembaga Pelabuhan Kelang iaitu:

- i. Cik Shanti T. Gunaratnam : 03-31688211 samb. 2108
- ii. En. Zulaini bin Rohani : 03-31688211 samb. 2110

4. Bersama-sama ini juga **dilampirkan** dengan salinan warta Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang (Skala Kadar, Dius dan Caj) (Pindaan) 2025 untuk perhatian pihak YBhg. Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.

Sekian dimaklumkan, Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)

Pengurus Besar,

Lembaga Pelabuhan Kelang.

Tel. : 03-3168 8358

E-mail : subra@pka.gov.my

SALINAN KEPADA:

1. **En. Fakhru Azhar bin Tajudin**
Ketua Pegawai Eksekutif
Northport (Malaysia) Bhd.
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara
42000 PELABUHAN KLANG
Tel: 03-3169 8787
emel: fakhru@northport.com.my / celina@northport.com.my

2. **En. Vijaya Kumar Puspwanam**
Ketua Pegawai Eksekutif
Westport Malaysia Sdn. Bhd.
P.O. Box 266, Pulau Indah
42009 PORT KLANG
Tel: 03-3169 4000 / 012-373 0832
emel: vijaya@westports.com.my

3. **En. Ooi Lean Hin**
Pengerusi
Shipping Association Malaysia (SAM)
d/a. Round-The-World Logistics Corp. (M) Sdn. Bhd.
Unit 9-1, Level 9, Tower 8
UOA Business Park,
No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03-5561 8891
emel : oolh@rtw.com.my

4. **En. Mohamed Safwan Othman**
Pengerusi
Malaysia Shipowners Association (MASA)
Blok A2, No. A2-3-3
Ayer@8, Fasa 8C1
Jalan P8G, Presint 8
62250 PUTRAJAYA.
Tel: 03-8893 1942
emel: general@masa.org.my

5. **En. Philip Sinappan**
Presiden
Central Regional Shipping Association (CRSA)
SJS Management Services
No. 5-1, Jalan Kasuarina 7/KS7
Bandar Botanic, 41200 Klang
SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: 03-3167 3830
emel: philip@crsa.com.my

6. **YBhg. Dato' Tony Chia**
Presiden
Selangor Freight Forwarders and Logistics Association (SFFLA)
Wisma SFFLA
23, Jalan Cemerlang
42000 PELABUHAN KLANG
Tel: 03-3168 4363 / 012-288 7341
emel: tonycht@sincerefdg.com / general@sffla.com

7. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. M. Vijayan**
Presiden
Malaysia Freight Forwarders Association (MAFFA)
No. 3 & 3A, Lorong Bayu Tinggi 4C/KS
Bandar Bukit Tinggi
41000 KLANG
Tel: 019-226 8452
emel: vijay@maffa.org / deputyresident@maffa.com.my

8. **En. Soo Chee Yeong**
Presiden
Association of Malaysian Hauliers (AMH)
No. 88 B-2, Lebuhr Beringin
42000 PELABUHAN KLANG
Tel: 03-3162 5656 / 019-269 9900
emel: cysoo@vm.com.my / secretary@amh.org.my

9. **YBhg. Tan Sri Dato' Soh Thian Lai**
Presiden
Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU9
Bandar Sri Damansara
52200 KUALA LUMPUR.
Tel: 03-62761211
emel: president@fmm.org.my

10. **YBhg. Dato' Nathan K. Suppiah**
Pengerusi
Malaysian National Shipper Council (MNSC)
Wisma FMM, No. 3, Persiaran Dagang, PJU9
Bandar Sri Damansara
52200 KUALA LUMPUR.
Tel: Tel: 03-6286 7200
emel: nathan.panasonic@gmail.com / secretariat@mnscl.org.my

11. **Puan Christina Tee Kim Chin**
Pengerusi
Malaysia International Chamber Of Commerce & Industry
C-8-8 8th Floor, Block C – Plaza Mon't Kiara
2, Jalan Kiara, Mont' Kiara
50480 KUALA LUMPUR
Tel: 03-62017708
emel: micci@micci.com



29 Mei 2025
29 May 2025
P.U. (A) 168

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KELANG (SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) (PINDAAN) 2025

PORT KELANG AUTHORITY (SCALE OF RATES, DUES AND CHARGES) (AMENDMENT) BY-LAWS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA PELABUHAN 1963

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan 29 Akta Lembaga Pelabuhan 1963 [*Akta 488*], Lembaga Pelabuhan Kelang, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang (Skala Kadar, Dius dan Caj) (Pindaan) 2025**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 30 Mei 2025.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Kelang (Skala Kadar, Dius dan Caj) 2012 [*P.U. (A) 125/2012*], yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 2—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “transaksi”, dengan menggantikan noktah di hujung takrif itu dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “transaksi” takrif yang berikut:

‘ “treler tangki tumpahan” ertinya suatu jenis treler yang direka untuk mengangkut bahan berbahaya atau bahan sensitif persekitaran.’

Pindaan undang-undang kecil 3

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 3—

(a) dalam subperenggan (o), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

- (b) dalam subperenggan (p), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (p) subperenggan yang berikut:

“(q) caj keselamatan anak kapal dan penumpang; dan

(r) caj penyimpanan senjata api dan peluru.”

Pindaan undang-undang kecil 12

4. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 12—

(a) dalam perenggan (1)—

- (i) dalam subperenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;
- (ii) dalam subperenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(d) dalam hal suatu kapal beroperasi bukan kargo yang berhimpit di dermaga Lembaga bagi maksud mengisi minyak, mengambil air, mengambil bekalan kapal atau pembaikan kapal pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual CA Bahagian 9 Jadual Pertama.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (4) perenggan yang berikut:

“(5) Sebagai tambahan kepada caj dermaga yang disebut dalam subperenggan (1)(a), (b) atau (c), pengguna pelabuhan bagi kapal kargo, kapal penumpang atau kapal perang asing itu hendaklah membayar caj dermaga tambahan kepada Lembaga jika kapal kargo, kapal penumpang atau kapal perang asing itu berhimpit di dermaga Lembaga bagi maksud mengisi minyak, mengambil air, mengambil bekalan kapal atau pembaikan kapal di dermaga Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual F Bahagian 9 Jadual Pertama.”.

Undang-undang kecil baharu 19A dan 19B

5. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 19 undang-undang kecil yang berikut:

“Caj keselamatan anak kapal dan penumpang

19A. Mana-mana anak kapal dan penumpang, termasuk penumpang dalam transit, bagi sesebuah kapal di dermaga Lembaga hendaklah membayar caj keselamatan anak kapal dan penumpang kepada Lembaga bagi perkhidmatan keselamatan yang disediakan di dermaga Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 17 Jadual Pertama.

Caj penyimpanan senjata api dan peluru

19B. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan senjata api dan peluru kepada Lembaga bagi penyimpanan senjata api dan peluru di dalam suatu bilik kebal, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 18 Jadual Pertama.”.

Pindaan undang-undang kecil 20

6. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 20—

(a) dalam subperenggan (d), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

- (b) dalam subperenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (e) subperenggan yang berikut:

“(f) caj disatukan perdagangan barter.”.

Pindaan undang-undang kecil 21

7. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 21—

- (a) dengan menomborkan semula undang-undang kecil sedia ada sebagai perenggan (1);
- (b) dalam perenggan (1) yang dinomborkan semula itu—
 - (i) dalam subsubperenggan (f)(ii), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subsubperenggan itu;
 - (ii) dalam subperenggan (g), dengan menggantikan koma di hujung subperenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (g) subperenggan yang berikut:

“(h) penerimaan atau penghantaran ruminan secara terus di dermaga Lembaga,”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (1) yang dinomborkan semula itu perenggan yang berikut:

“(2) Sebagai tambahan kepada caj pengendalian dermaga am yang disebut dalam perenggan (1), pengguna pelabuhan itu hendaklah

membayar caj pengendalian dermaga tambahan kepada Lembaga bagi menjalankan aktiviti mengisi minyak, mengambil air, mengambil bekalan kapal atau pembaikan kapal di dermaga Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1A Jadual Kedua.”

Undang-undang kecil baharu 21A

8. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 21 undang-undang kecil yang berikut:

“Caj disatukan perdagangan barter

21A. (1) Seseorang pengguna pelabuhan yang terlibat dalam suatu aktiviti perdagangan barter hendaklah membayar caj disatukan perdagangan barter kepada Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1B Jadual Kedua, bagi perkhidmatan yang berikut:

- (a) penerimaan kontena ke dalam suatu tempat simpanan kontena;
- (b) pengeluaran kargo dari kontena;
- (c) pemindahan kargo ke dermaga Lembaga;
- (d) pemuatan oleh Operator Berlesen ke dalam kapal yang akan membawanya; dan
- (e) keselamatan bagi pemantauan aktiviti perdagangan barter.

(2) Mana-mana pengguna pelabuhan yang dikenakan caj di bawah undang-undang kecil ini dikecualikan daripada caj yang disebut dalam perenggan 12(1), undang-undang kecil 15, 16, 17, perenggan 21(1) dan undang-undang kecil 37F.”

Pindaan undang-undang kecil 24

9. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 24—

(a) dalam perenggan (1)—

(i) dengan menggantikan subperenggan (g) dengan subperenggan yang berikut:

“(g) kargo ro-ro kenderaan motor import dan kargo ro-ro kenderaan motor pindah kapal dalam gudang, ruang berbumbung atau di tempat simpanan terbuka, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual F Bahagian 4 Jadual Kedua; atau”; dan

(ii) dengan menggantikan subperenggan (h) dengan subperenggan yang berikut:

“(h) kargo ro-ro kenderaan motor eksport dalam gudang, ruang berbumbung atau di tempat simpanan terbuka, pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual G Bahagian 4 Jadual Kedua.”; dan

(b) dalam perenggan (7), (8), (9) dan (10), dengan menggantikan perkataan “kargo ro-ro” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “kargo ro-ro kenderaan motor”.

Pindaan undang-undang kecil 27

10. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 27—

(a) dalam subperenggan (j), dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan itu;

(b) dalam subperenggan (k), dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan itu dengan koma bernoktah; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (k) subperenggan yang berikut:

“(l) caj perkhidmatan kenderaan punggah rendah;

(m) caj perkhidmatan treler tangki tumpahan;

(n) caj kontena pergerakan setempat;

(o) caj perkhidmatan pembungkusan atau pengeluaran barang;
dan

(p) caj pemindahan antara terminal.”.

Pindaan undang-undang kecil 34

11. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 34—

(a) dengan menomborkan semula undang-undang kecil sedia ada sebagai perenggan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (1) yang dinomborkan semula itu perenggan yang berikut:

“(2) Dalam hal suatu caj perkhidmatan kontena sejuak bagi maksud penyambungan, pemotongan dan pemantauan kontena sejuak di suatu tempat simpanan kontena, caj itu hendaklah termasuk suatu penggunaan elektrik yang dikira berdasarkan tarif dan caj yang ditentukan oleh Suruhanjaya Tenaga mengikut subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].”.

Undang-undang kecil baharu 37C, 37D, 37E, 37F dan 37G

12. Undang-Undang Kecil itu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 37B undang-undang kecil yang berikut:

“Caj perkhidmatan kenderaan punggah rendah

37C. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan kenderaan punggah rendah kepada Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Ketiga bagi penggunaan suatu kenderaan punggah rendah untuk—

- (a) menghantar atau menerima suatu kargo di dermaga Lembaga; dan
- (b) menyimpan suatu kargo.

Caj perkhidmatan treler tangki tumpahan

37D. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan treler tangki tumpahan kepada Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Ketiga bagi penggunaan suatu treler tangki tumpahan untuk—

- (a) menghantar atau menerima suatu kargo di dermaga Lembaga; dan
- (b) menyimpan suatu kargo.

Caj kontena pergerakan setempat

37E. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj kontena pergerakan setempat kepada Lembaga bagi apa-apa pergerakan kontena KMP atau kontena kosong dari suatu tempat simpanan kontena ke suatu gudang atau dari suatu gudang ke suatu tempat simpanan kontena di dalam premis pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 13 Jadual Ketiga.

Caj perkhidmatan pembungkusan atau pengeluaran barang

37F. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan pembungkusan atau pengeluaran barang kepada Lembaga bagi perkhidmatan pembungkusan atau pengeluaran barang suatu cargo ke atau dari suatu kontena menggunakan tenaga kerja dan kelengkapan Pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Ketiga.

Caj pemindahan antara terminal

37G. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pemindahan antara terminal kepada Lembaga bagi apa-apa pemindahan kontena pindah kapal antara terminal Pelabuhan yang dikendalikan oleh Pengendali Berlesen, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 15 Jadual Ketiga.”

Bahagian baharu IVA dan IVB

13. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil baharu 37G bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IVA**CAJ KARGO KMK IMPORT****Jenis caj**

37H. Lembaga boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penerima konsain:

- (a) caj pengendalian am kargo KMK;
- (b) caj pengendalian kargo panjang KMK;
- (c) caj pengendalian kargo berat KMK;
- (d) caj penyimpanan kargo KMK;

- (e) caj lebih tempoh kargo KMK;
- (f) caj lebih masa kargo KMK;
- (g) caj tinjauan kargo KMK; dan
- (h) caj bahan api kargo KMK.

Caj pengendalian am kargo KMK

37i. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian am kargo KMK kepada Lembaga bagi penerimaan, pemuatan dan penghantaran kargo KMK di gudang, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Keempat.

Caj pengendalian kargo panjang KMK

37j. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian kargo panjang KMK kepada Lembaga bagi pengendalian apa-apa bungkusan yang lebih daripada 12 kaki panjang dan berat lebih daripada 200kg tetapi kurang daripada 3 tan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Keempat.

(2) Walau apa pun perenggan (1), seseorang pengguna pelabuhan hendaklah dikecualikan daripada membayar caj pengendalian kargo panjang KMK jika bungkusan itu boleh dikendalikan hanya dengan satu forklift.

(3) Jika pengguna pelabuhan dikecualikan daripada membayar caj pengendalian kargo panjang KMK di bawah perenggan (2), pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj pengendalian am kargo KMK di bawah undang-undang kecil 37i.

(4) Bagi maksud pengendalian suatu kargo panjang KMK, seseorang pengguna pelabuhan dibenarkan untuk melantik mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilesenkan oleh Lembaga, dengan syarat bahawa sebelum

mengeluarkan isi suatu kontena, Lembaga dimaklumkan secara bertulis oleh pengguna pelabuhan itu berkenaan perincian kargo itu.

Caj pengendalian kargo berat KMK

37K. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian kargo berat KMK kepada Lembaga bagi pengendalian apa-apa kargo berat KMK dan itu termasuklah mengangkat kargo berat KMK itu, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Keempat.

(2) Bagi maksud pengendalian suatu kargo berat KMK, seseorang pengguna pelabuhan dibenarkan untuk melantik mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilesenkan oleh Lembaga, dengan syarat bahawa sebelum mengeluarkan isi suatu kontena, Lembaga dimaklumkan secara bertulis oleh pengguna pelabuhan itu berkenaan perincian kargo itu.

Caj penyimpanan kargo KMK dan caj lebih tempoh kargo KMK

37L. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kargo KMK kepada Lembaga bagi penyimpanan mana-mana kargo KMK di dalam gudang, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Keempat.

(2) Kargo KMK yang disebut dalam perenggan (1) berhak kepada suatu tempoh penyimpanan percuma selama tiga hari bagi penyimpanan kargo KMK itu di dalam gudang.

(3) Pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj lebih tempoh kargo KMK kepada Lembaga jika kargo KMK itu tidak dipindahkan dalam tempoh penyimpanan tiga hari yang disebut dalam perenggan (2), pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Keempat.

(4) Bagi maksud undang-undang kecil ini, suatu tempoh penyimpanan hendaklah bermula dari masa pengeluaran isi suatu kontena selesai hingga masa

kargo KMK itu dipindahkan daripada gudang dan hendaklah dikira sebagaimana yang berikut:

- (a) jika pengeluaran isi kontena itu selesai pada atau sebelum pukul 5.00 petang pada hari yang sama, tempoh penyimpanan hendaklah bermula pada hari yang sama itu; dan
- (b) jika pengeluaran isi kontena itu selesai selepas pukul 5.00 petang pada hari yang sama, tempoh penyimpanan hendaklah bermula pada hari berikutnya.

Caj lebih masa kargo KMK

37M. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj lebih masa kargo KMK kepada Lembaga bagi apa-apa perkhidmatan gudang yang diberikan oleh Lembaga selepas waktu operasi gudang, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Keempat.

(2) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “waktu operasi gudang” ertinya waktu operasi gudang dari 8.30 pagi hingga 7.00 petang, termasuk pada hari Ahad dan cuti umum.

Caj tinjauan kargo KMK

37N. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj tinjauan kargo KMK kepada Lembaga bagi laporan tinjauan masuk atau ke hadapan kargo KMK, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Keempat.

Caj bahan api kargo KMK

37O. Sebagai tambahan kepada caj di bawah perenggan 37I(1), 37J(1) dan 37K(1), pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj bahan api kargo KMK kepada Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Keempat.

BAHAGIAN IVB

CAJ AM

Caj perkhidmatan bahan buangan am

37P. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan bahan buangan am kepada Lembaga bagi perkhidmatan pengumpulan dan pemindahan bahan buangan am di dalam premis pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kelima.

Caj bekalan pekerja am

37Q. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bekalan pekerja am kepada Lembaga bagi mana-mana pekerja am yang dibekalkan untuk melaksanakan apa-apa kerja buruh selain memuat atau memunggah kargo di atas dermaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Kelima.

Caj pemotongan kunci pemusing kontena tersekat

37R. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pemotongan kunci pemusing kontena tersekat kepada Lembaga bagi perkhidmatan pemotongan kunci pemusing kontena tersekat, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Kelima.

Caj kemudahan pewasapan

37S. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj kemudahan pewasapan kepada Lembaga bagi apa-apa aktiviti pewasapan di premis pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Kelima.

Caj perkhidmatan pertukangan

37T. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan pertukangan kepada Lembaga bagi apa-apa perkhidmatan pertukangan yang diberikan di premis pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Kelima.

Caj bekalan titi sambung

37U. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bekalan titi sambung kepada Lembaga pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Kelima, bagi perkhidmatan yang berikut:

- (a) penghantaran apa-apa titi sambung ke kapal pengguna pelabuhan menggunakan kelengkapan dan tenaga kerja Pelabuhan;
- (b) peletakan apa-apa titi sambung pada kapal pengguna pelabuhan menggunakan kelengkapan dan tenaga kerja Pelabuhan; dan
- (c) pengalihan apa-apa titi sambung dari kapal pengguna pelabuhan menggunakan kelengkapan dan tenaga kerja Pelabuhan.

Caj penggunaan penghadang

37V. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penggunaan penghadang kepada Lembaga bagi penggunaan penghadang di dermaga, gudang atau tempat simpanan terbuka Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Kelima, bagi perkhidmatan yang berikut:

- (a) pemindahan penghadang ke dan dari dermaga, gudang atau tempat simpanan terbuka Lembaga menggunakan kelengkapan dan tenaga kerja Pelabuhan;
- (b) pemasangan penghadang; dan
- (c) pembukaan penghadang.

Caj pembersihan dermaga

37W. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pembersihan dermaga kepada Lembaga bagi perkhidmatan pembersihan di dermaga Lembaga bagi bekalan tenaga kerja, peralatan, elektrik atau air, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Kelima.

Caj perkhidmatan kecemasan

37X. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan kecemasan kepada Lembaga bagi apa-apa perkhidmatan kecemasan yang diberikan di premis pelabuhan menggunakan kelengkapan dan tenaga kerja Pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Kelima.

Caj perkhidmatan keselamatan

37Y. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan keselamatan kepada Lembaga bagi apa-apa perkhidmatan keselamatan yang diberikan di premis pelabuhan menggunakan kelengkapan dan tenaga kerja Pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Kelima.

(2) Selain perkhidmatan keselamatan bagi pemantauan aktiviti perdagangan barter di bawah subperenggan 21A(1)(e), perkhidmatan keselamatan di bawah perenggan (1) boleh juga digunakan oleh pengguna pelabuhan yang terlibat dalam suatu aktiviti perdagangan barter, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Kelima.

Caj perkhidmatan pengasingan kargo bertanda yang bercampur

37Z. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan pengasingan kargo bertanda yang bercampur kepada Lembaga bagi perkhidmatan pengasingan apa-apa kargo bertanda yang bercampur yang didokumenkan di kertas hitung yang relevan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Kelima.

Caj perkhidmatan bekalan air bersih

37AA. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan bekalan air bersih kepada Lembaga bagi perkhidmatan pembekalan air bersih kepada kapal pengguna pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Kelima.

Caj perkhidmatan mengikat atau membuka tali pengikat kontena

37AB. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan mengikat atau membuka tali pengikat kontena kepada Lembaga bagi perkhidmatan mengikat atau membuka tali pengikat kontena di atas kapal pengguna pelabuhan, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 13 Jadual Kelima.

Caj perkhidmatan timbang

37AC. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan timbang kepada Lembaga bagi penggunaan apa-apa jambatan timbang atau kelengkapan terminal di bawah undang-undang kecil 38, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Kelima.

Caj pesisir depan

37AD. Seseorang penerima konsain atau pekapal hendaklah membayar caj pesisir depan bagi kargo, ternakan dan kenderaan yang melintasi pesisir depan di dalam had Pelabuhan selain pesisir depan di dalam premis pelabuhan di bawah pentadbiran Operator Berlesen, pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 15 Jadual Kelima.”.

Pindaan undang-undang kecil 38

14. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam undang-undang kecil 38—

- (a) dalam subperenggan (a), dengan menggantikan perkataan “menimbang” dengan perkataan “menimbang dengan menggunakan jambatan timbang atau kelengkapan terminal; atau”;
- (b) dalam subperenggan (b), dengan menggantikan perkataan “; atau” dengan noktah; dan
- (c) dengan memotong subperenggan (c).

Penggantian undang-undang kecil 48

15. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 48 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Pengeluaran semula dokumen, pembetulan data, dsb.

48. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar fi sebanyak dua puluh lima ringgit kepada Lembaga—

- (a) bagi pengeluaran suatu salinan dokumen asal, suatu dokumen gantian atau suatu dokumen sokongan bagi apa-apa baucar, kertas hitung, invois atau dokumen lain yang berhubungan dengan penghantaran kargo yang dikeluarkan oleh Operator Berlesen kepada pengguna pelabuhan, dalam hal jika baucar, kertas hitung, invois atau dokumen lain itu telah hilang atau secara tidak sengaja rosak atau butir-butir tidak boleh dibaca;
- (b) bagi apa-apa pembetulan data dalam sistem pelabuhan pada apa-apa perincian suatu kontena yang disebabkan oleh suatu kesilapan oleh pengguna pelabuhan; atau
- (c) bagi pengeluaran apa-apa dokumen sokongan lain.”

Pemotongan undang-undang kecil 50

16. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 50.

Pindaan Jadual Pertama

17. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam Jadual Pertama—

- (a) dalam Bahagian 9—
 - (i) dengan memasukkan selepas Jadual C jadual yang berikut:

"JADUAL CA

[subperenggan 12(1)(d)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap 100 TK setiap jam (RM)
1.	Kapal beroperasi bukan kargo	10.00

"; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas Jadual E jadual yang berikut:

"JADUAL F

[perenggan 12(5)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap tan (RM)
1.	Caj dermaga tambahan	2.50

";

- (b) dalam Bahagian 14, berhubung dengan butiran 1, dalam ruang Perihal, dengan memotong perkataan "bagi setiap unit (kenderaan motor dan berat)"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas Bahagian 16 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 17

CAJ KESELAMATAN ANAK KAPAL DAN PENUMPANG

[undang-undang kecil 19A]

Butiran	Perihal	Bagi setiap seorang (RM)
1.	Caj keselamatan anak kapal dan penumpang	12.00

BAHAGIAN 18

CAJ PENYIMPANAN SENJATA API DAN PELURU

[undang-undang kecil 19B]

Butiran	Perihal	1 hingga 5 unit (RM)	6 hingga 10 unit (RM)	11 unit dan seterusnya (RM)
1.	Caj penyimpanan senjata api dan peluru	250.00	450.00	40.00 setiap unit

Pindaan Jadual Kedua

18. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam Jadual Kedua—

(a) dalam Bahagian 1—

- (i) dengan menggantikan perkataan “undang-undang kecil 21” dengan perkataan “perenggan 21(1)”;
- (ii) berhubung dengan butiran 6, dalam ruang Jenis kargo, dengan menggantikan perkataan “Pukal cecair” dengan perkataan “Kargo pukal cecair”;

- (iii) berhubung dengan butiran 7, dalam ruang Jenis kargo, dengan memotong perkataan "bagi setiap unit (kenderaan motor dan berat)";
- (iv) berhubung dengan butiran 8, dalam ruang Jenis kargo, dengan memasukkan selepas subbutiran (c) dan butir-butir yang berhubungan dengannya subbutiran dan butir-butir yang berikut:

Butiran	Jenis kargo	Penerimaan dan penghantaran di dermaga Lembaga bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
	"(d) Corong dan pengaut tambahan	1.50"

; dan

- (v) dengan memasukkan selepas butiran 8 dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

Butiran	Jenis kargo	Penerimaan dan penghantaran di dermaga Lembaga bagi setiap binatang (RM)
9.	Ruminan	20.00

";

(b) dengan memasukkan selepas Bahagian 1 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 1A

CAJ PENGENDALIAN DERMAGA TAMBAHAN

[perenggan 21(2)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap tan (RM)
1.	Caj pengendalian dermaga tambahan	7.30

BAHAGIAN 1B

CAJ DISATUKAN PERDAGANGAN BARTER

[undang-undang kecil 21A]

Butiran	Perihal	20' panjang (RM)	40' panjang (RM)	Melebihi 40' panjang (RM)
1.	Caj disatukan perdagangan barter	211.00	322.00	322.00

”; dan

(c) dalam Bahagian 4—

(i) dengan menggantikan Jadual F dengan jadual yang berikut:

“JADUAL F

[subperenggan 24(1)(g) dan perenggan 24(10)]

Butiran	Perihal	Bilangan hari	Bagi setiap unit (RM)	
			Gudang atau ruang berbumbung	Tempat simpanan terbuka
1.	Kargo ro-ro kenderaan motor import dan kargo ro-ro kenderaan motor pindah kapal	Hari pertama hingga hari ke-3 bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	24.00	Percuma
		Hari ke-4 dan selepasnya setiap hari atau sebahagian daripadanya secara ke belakang dari Tarikh Rasmi Pemungghaan		8.00

”; dan

- (ii) dengan menggantikan Jadual G dengan jadual yang berikut:

"JADUAL G

[subperenggan 24(1)(h)]

Butiran	Perihal	Bilangan hari	Bagi setiap unit (RM)	
			Gudang atau ruang berbumbung	Tempat simpanan terbuka
1.	Kargo ro-ro kenderaan motor eksport	Hari pertama hingga hari ke-7 bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	24.00	Percuma
		Hari ke-8 dan seterusnya bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya		8.00

".

Pindaan Jadual Ketiga

19. Undang-Undang Kecil itu dipinda dalam Jadual Ketiga—

(a) dengan menggantikan Bahagian 7 dengan bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 7

CAJ PERKHIDMATAN KONTENA SEJUK

[perenggan 34(1)]

Butiran	Perihal	20' panjang (RM)	20' panjang (RM)	Melebihi 40' panjang (RM)
1.	(a) Memasang atau menanggalkan palam kontena sejuk di atas kapal	15.00	15.00	15.00
	(b) Menyambung memotong dan memantau kontena sejuk di tempat simpanan kontena (bagi setiap syif)	41.00	62.00	75.00
	(c) Memeriksa kontena sejuk yang kosong sebelum dihantar ke pekapal atau sebelum dimuatkan ke atas kapal	70.00	70.00	70.00

”; dan

(b) dengan memasukkan selepas Bahagian 10 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN 11

CAJ PERKHIDMATAN KENDERAAN PUNGGAH RENDAH

[undang-undang kecil 37c]

Butiran	Perihal	Bagi setiap unit (RM)
1.	(a) Menghantar atau menerima suatu kargo di dermaga Lembaga (bagi setiap perjalanan)	500.00
	(b) Menyimpan suatu kargo di atas suatu kenderaan panggah rendah:	
	(i) Syif pertama	Percuma
	(ii) Syif seterusnya atau sebahagian daripadanya	600.00

BAHAGIAN 12

CAJ PERKHIDMATAN TRELER TANGKI TUMPAHAN

[undang-undang kecil 37D]

Butiran	Perihal	Bagi setiap unit (RM)
1.	(a) Menghantar atau menerima suatu kargo di dermaga Lembaga (bagi setiap perjalanan)	500.00
	(b) Menyimpan suatu kargo atas suatu treler tangki tumpahan:	
	(i) Syif pertama	Percuma
	(ii) Syif seterusnya atau sebahagian daripadanya	600.00

BAHAGIAN 13

CAJ KONTENA PERGERAKAN SETEMPAT

[undang-undang kecil 37E]

Butiran	Setiap kontena	20' panjang (RM)	40' panjang (RM)	Melebihi 40' panjang (RM)
1.	(a) KMP (import atau eksport)	130.00	200.00	200.00
	(b) Kontena kosong	50.00	100.00	100.00

BAHAGIAN 14

CAJ PERKHIDMATAN PEMBUNGKUSAN ATAU PENGELUARAN BARANG

[undang-undang kecil 37F]

Butiran	Perihal	20' panjang (RM)	40' panjang (RM)	Melebihi 40' panjang (RM)
1.	(a) Kargo yang dipaletkan	135.00	205.00	205.00
	(b) Kenderaan	80.00	130.00	130.00
	(c) Kargo tidak terikat	190.00	305.00	305.00

BAHAGIAN 15

CAJ PEMINDAHAN ANTARA TERMINAL

[undang-undang kecil 37G]

Butiran	Perihal	20' panjang (RM)		40' panjang (RM)	Melebihi 40' panjang (RM)
		Kurang daripada 21 tan	Melebihi 21 tan		
1.	(a) Pemberitahuan diberikan lebih daripada 48 jam sebelum kontena dilepaskan	90.00	220.00	180.00	180.00
	(b) Pemberitahuan diberikan kurang daripada 48 jam sebelum kontena dilepaskan	180.00	310.00	360.00	360.00

Penggantian Jadual Keempat

20. Undang-Undang Kecil ini dipinda dengan menggantikan Jadual Keempat dengan jadual yang berikut:

"JADUAL KEEMPAT

CAJ KARGO KMK IMPORT

BAHAGIAN 1

CAJ PENGENDALIAN AM KARGO KMK

[undang-undang kecil 371 dan perenggan 37](3)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Caj pengendalian am kargo KMK	
	(a) 1 tan atau kurang	20.00
	(b) Melebihi 1 tan tetapi tidak lebih dari 3 tan	12.00

BAHAGIAN 2

CAJ PENGENDALIAN KARGO PANJANG KMK

[perenggan 37](1)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap bungkusan (RM)
1.	Caj pengendalian kargo panjang KMK (bungkusan melebihi 12 kaki dan berat melebihi 200kg tetapi kurang dari 3 tan)	200.00

BAHAGIAN 3

CAJ PENGENDALIAN KARGO BERAT KMK

[perenggan 37k(1)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap syif atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Caj pengendalian kargo berat KMK	
	(a) Lebih dari 3 tan tetapi tidak melebihi 5 tan	750.00
	(b) Tidak melebihi 10 tan	1,200.00
	(c) Tidak melebihi 15 tan	2,000.00
	(d) Tidak melebihi 18 tan	2,800.00
	(e) Tidak melebihi 24 tan	3,800.00

BAHAGIAN 4

CAJ PENYIMPANAN KARGO KMK

[perenggan 37L(1)]

Butiran	Perihal	Bilangan hari	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Caj penyimpanan kargo KMK	Hari pertama	Percuma
		Hari ke-2	Percuma
		Hari ke-3	Percuma
		Hari ke-4	18.00
		Hari ke-5	22.50

Butiran	Perihal	Bilangan hari	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
		Hari ke-6	27.00
		Hari ke-7	31.50
		Hari ke-8 dan hari seterusnya bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	4.50

BAHAGIAN 5

CAJ LEBIH TEMPOH KARGO KMK

[perenggan 37L(3)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Caj lebih tempoh kargo KMK	3.00

BAHAGIAN 6

CAJ LEBIH MASA KARGO KMK

[perenggan 37M(1)]

Butiran	Perihal	Bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Caj lebih masa kargo KMK	40.00

BAHAGIAN 7

CAJ TINJAUAN KARGO KMK

[undang-undang kecil 37N]

Butiran	Perihal	Bagi setiap laporan (RM)
1.	Caj laporan tinjauan kargo KMK	15.00

BAHAGIAN 8

CAJ BAHAN API KARGO KMK

[undang-undang kecil 37o]

Butiran	Perihal	Asas pengiraan atau formula	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Caj bahan api kargo KMK	Berdasarkan harga bahan api RM3.50 setiap liter	2.50
		Jika harga bahan api turun sebanyak 50%	- 1.00
		Jika harga bahan api naik sebanyak 50%	+ 1.00

Jadual baharu Kelima

21. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keempat jadual yang berikut:

"JADUAL KELIMA

CAJ AM

BAHAGIAN 1

CAJ PERKHIDMATAN BAHAN BUANGAN AM

[undang-undang kecil 37P]

Butiran	Perihal	Bagi setiap perjalanan (RM)
1.	Pengumpulan dan pemindahan bahan buangan am	350.00

BAHAGIAN 2

CAJ BEKALAN PEKERJA AM

[undang-undang kecil 37Q]

Butiran	Perihal	Bagi setiap syif bagi setiap orang (RM)
1.	Bekalan pekerja am	70.00

BAHAGIAN 3

CAJ PEMOTONGAN KUNCI PEMUSING KONTENA TERSEKAT

[undang-undang kecil 37R]

Butiran	Perihal	Bagi setiap kontena (RM)
1.	Pemotongan kunci pemusing kontena tersekat	250.00

BAHAGIAN 4

CAJ KEMUDAHAN PEWASAPAN

[undang-undang kecil 37s]

Butiran	Perihal	m ³ atau tan atau sebahagian daripadanya (RM)
1.	Aktiviti pewasapan	4.50

BAHAGIAN 5

CAJ PERKHIDMATAN PERTUKANGAN

[undang-undang kecil 37t]

Butiran	Perihal	Bagi setiap kontena (RM)	Bagi setiap unit (RM)
1.	Memotong meterai, membuka pintu kontena dan seterusnya menutup pintu kontena (menggunakan meterai atau sebaliknya)	10.00	
2.	Membuka dan meletakkan suatu karton, bekas atau beg di tempat pemeriksaan dan seterusnya menutup karton, bekas atau beg itu		5.00
3.	Membuka palet (lebih besar dari 1m ³), meletakkannya di kawasan pemeriksaan dan seterusnya menutup palet		15.00

BAHAGIAN 6

CAJ BEKALAN TITI SAMBUNG

[undang-undang kecil 37u]

Butiran	Perihal	Bagi setiap unit (RM)
1.	Bekalan titi sambung	594.00

BAHAGIAN 7

CAJ PENGGUNAAN PENGHADANG

[undang-undang kecil 37v]

Butiran	Perihal	Bagi setiap unit bagi setiap hari (RM)
1.	Penggunaan penghadang	50.00

BAHAGIAN 8

CAJ PEMBERSIHAN DERMAGA

[undang-undang kecil 37w]

Butiran	Perihal	Bagi setiap aktiviti (RM)
1.	Perkhidmatan pembersihan dermaga	
	(a) Menyapu	350.00
	(b) Membasuh	500.00

BAHAGIAN 9

CAJ PERKHIDMATAN KECEMASAN

[undang-undang kecil 37x]

Butiran	Perihal	Bagi setiap jam setiap unit (RM)		Bagi setiap jam setiap orang (RM)		Bagi setiap perjalanan (RM)
		Kehadiran	Operasi melawan kebakaran/ menyelamatkan	Kehadiran	Operasi melawan kebakaran/ menyelamatkan	
1.	Perkhidmatan Kecemasan					
	(a) Kereta bomba	100.00	125.00			
	(b) Pegawai bomba			30.00	45.00	
2.	Perkhidmatan tug padam kebakaran		2,500.00			
3.	Perkhidmatan ambulan (kemudahan perubatan terdekat)					150.00

BAHAGIAN 10

CAJ PERKHIDMATAN KESELAMATAN

[undang-undang kecil 37y]

Butiran	Perihal	Bagi setiap jam setiap unit (RM)	Bagi setiap jam setiap orang (RM)
1.	Perkhidmatan keselamatan		
	(a) Perkhidmatan pengiring		
	(i) Motosikal	20.00	

Butiran	Perihal	Bagi setiap jam setiap unit (RM)	Bagi setiap jam setiap orang (RM)
	(ii) Kereta	40.00	
	(iii) Pacuan 4 roda	50.00	
	(iv) Pegawai keselamatan		40.00
	(v) Perkhidmatan bot	1,000.00	
	(b) Dron	350.00	
	(c) Pegawai keselamatan (tambahan)		40.00

BAHAGIAN 11

CAJ PERKHIDMATAN PENGASINGAN KARGO BERTANDA YANG BERCAMPUR

[undang-undang kecil 37z]

Butiran	Perihal	Bagi setiap tan (RM)
1.	Pengasingan kargo bertanda yang bercampur	3.00.

BAHAGIAN 12

CAJ PERKHIDMATAN BEKALAN AIR BERSIH

[undang-undang kecil 37AA]

Butiran	Perihal	Bagi setiap m ³ atau sebahagian daripadanya
1.	Bukan domestik	3.10
2.	Kapal	11.80

BAHAGIAN 13

CAJ PERKHIDMATAN MENGIKAT ATAU MEMBUKA TALI PENGIKAT KONTENA

[undang-undang kecil 37AB]

Butiran	Perihal	Bagi setiap kontena (RM)
1.	Perkhidmatan mengikat atau membuka tali pengikat kontena	minimum sebanyak 4.00 dan tidak melebihi 8.00

BAHAGIAN 14

CAJ PERKHIDMATAN TIMBANG

[undang-undang kecil 37AC]

Butiran	Perihal	Bagi setiap kontena (RM)	Bagi setiap perjalanan pergi dan balik (RM)
1.	(a) Penggunaan jambatan timbang di terminal (i) Kontena (ii) Kargo (b) Penggunaan kelengkapan terminal	5.00 30.00	7.50

BAHAGIAN 15

CAJ PESISIR DEPAN

[undang-undang kecil 37AD]

Butiran	Perihal	Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)	
1.	Semua kargo yang melintasi pesisir depan	2.00	".

Dibuat 28 Mei 2025

[LPK.600-2/8/4; PN(PU2)175D/VII]

EAN YONG HIAN WAH

*Pengerusi**Lembaga Pelabuhan Kelang*

Diluluskan 29 Mei 2025

[MOT.(S).600-1/2/4(10); PN(PU2)175D/VII]

LOKE SIEW FOOK

Menteri Pengangkutan

PORT AUTHORITIES ACT 1963

PORT KELANG AUTHORITY (SCALE OF RATES, DUES AND CHARGES)
(AMENDMENT) BY-LAWS 2025

IN exercise of the powers conferred by sections 16 and 29 of the Port Authorities Act 1963 [*Act 488*], the Port Kelang Authority, with the approval of the Minister, makes the following by-laws:

Citation and commencement

1. (1) These by-laws may be cited as the **Port Kelang Authority (Scale of Rates, Dues and Charges) (Amendment) By-Laws 2025**.

(2) These By-laws come into operation on 30 May 2025.

Amendment of by-law 2

2. The Port Kelang Authority (Scale of Rates, Dues and Charges) By-laws 2012 [*P.U. (A) 125/2012*], which are referred to as the “principal By-laws” in these By-laws, are amended in by-law 2—

(a) in the national language text, in the definition of “transaksi”, by substituting for the full stop at the end of the definition a semicolon; and

(b) by inserting after the definition of “shut-out” the following definition:

‘ “spill tank trailer” means a type of trailer designed to transport hazardous or environmentally sensitive material;’.

Amendment of by-law 3

3. The principal By-laws are amended in by-law 3—

(a) in subparagraph (o), by deleting the word “and” at the end of the subparagraph;

(b) in subparagraph (p), by substituting for the full stop at the end of the subparagraph a semicolon; and

(c) by inserting after subparagraph (p) the following subparagraphs:

“(q) crews and passengers security charge; and

(r) firearms and ammunitions storage charge.”.

Amendment of by-law 12

4. The principal By-laws are amended in by-law 12—

(a) in paragraph (1)—

(i) in subparagraph (b), by deleting the word “and” at the end of the subparagraph;

(ii) in subparagraph (c), by substituting for the full stop at the end of the subparagraph the words “; and”; and

(iii) by inserting after subparagraph (c) the following subparagraph:

“(d) in the case of a non-cargo operating ship berthed at the Authority’s wharf for the purposes of bunkering, taking water, taking ship’s supplies or ship’s repair, at the rate as specified in Table CA of Part 9 of the First Schedule.”; and

(b) by inserting after paragraph (4) the following paragraph:

“(5) In addition to the wharfage charge referred to in subparagraph (1)(a), (b) or (c), the port user for a cargo ship, passenger ship or foreign war ship shall pay the additional wharfage charge to

the Authority if such cargo ship, passenger ship or foreign war ship berthed at the Authority's wharf for the purposes of bunkering, taking water, taking ship's supplies or ship's repair at the Authority's wharf, at the rate as specified in Table F of Part 9 of the First Schedule.”.

New by-laws 19A and 19B

5. The principal By-laws are amended by inserting after by-law 19 the following by-laws:

“Crews and passengers security charge

19A. Any crew and passenger, including passenger in transit, of a ship at the Authority's wharf shall pay the crews and passengers security charge to the Authority for security service provided at the Authority's wharf, at the rate as specified in Part 17 of the First Schedule.

Firearms and ammunitions storage charge

